

BAB 1

PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN

1.0 Latar belakang

Multimedia “Super Koridor”, Teknologi Maklumat, “Cybercity”, ‘Technology Park’, Kerajaan “Cyber” dan pelbagai lagi perkataan beru merupakan istilah yang sering kita dengar sejak kebelakangan ini. Manusia kini lebih menumpukan perhatian kepada teknik-teknik terbaru dan canggih untuk menyempurnakan kehidupan dalam segala bidang. Perkembangan teknologi ini juga ketara dalam bidang pendidikan di Malaysia. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan sentiasa mencuba pelbagai cara dan saluran dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan mutu serta proses pengajaran dan pembelajaran serta pendidikan secara keseluruhan. Salah satu daripada usaha murni Kementerian Pendidikan ke arah peningkatan mutu pendidikan ini ialah penubuhan Pusat Kegiatan Guru (PKG).

Penubuhan PKG ini tidak berlaku secara mendadak jika dilihat dari segi sejarahnya. Dalam tahun 1978, Pusat Sumber Tempatan telah ditubuhkan. Pusat ini seterusnya digantikan namanya dengan Pusat Media Daerah pada tahun 1981. Penubuhan pusat-pusat ini pada mulanya adalah hanya untuk menyediakan kemudahan pinjaman peralatan dan juga memberi khidmat nasihat mengenai cara-

cara pembinaan alat bantu mengajar yang berkos rendah. Pada masa tersebut tumpuan pusat-pusat ini lebih kepada mengimbangi pencapaian pendidikan di kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam edaran masa yang sama, empat buah Pusat Sumber Pendidikan Negeri telah didirikan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu dengan peruntukan yang telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980). Tujuan pembinaan pusat-pusat ini adalah untuk meninggikan mutu pendidikan dalam setiap negeri tersebut. Setiap pusat ini adalah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru dan pentadbir sekolah. Beberapa orang pegawai kanan pendidikan telah dihantar ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk melawat dan meninjau beberapa pusat sumber ekoran lawatan “UNESCO Identification Mission” ke Malaysia pada tahun 1974. Terdapat juga beberapa pegawai yang dihantar untuk mengikuti kursus dalam bidang psikologi pendidikan dan teknologi pendidikan.

Lanjutan dari perkembangan pendidikan, Pusat Media Daerah telah digantikan oleh Pusat Sumber Pendidikan Daerah (PSPD) pada tahun 1986. Sebanyak 302 buah sekolah di seluruh Malaysia telah terlibat dalam penempatan PSPD ini. Secara kasar sebanyak 15 hingga 20 sekolah di satu-satu kawasan mendapat perkhidmatan dari sebuah PSPD setempat. Kerajaan telah berharap supaya PSPD ini dapat dijadikan sebagai saluran bagi guru-guru membiasakan diri dengan perkembangan teknologi

terkini dalam pendidikan supaya secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi pendidikan.

PSPD ini akhirnya telah ditukar namanya kepada PKG memandangkan perkembangan pendidikan yang mula mengambil berat tentang peningkatan keperluan profesionalisme guru-guru. Fungsi PKG juga adalah lebih luas jika dibandingkan dengan pusat-pusat yang ditubuhkan sebelumnya. Selanjutnya Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia telah menghantar surat pekeliling kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri di mana PKG disifatkan sebagai pusat logistik atau penyalur perkhidmatan yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran (BTP, 1992a). Pusat ini juga diharapkan akan dapat dijadikan sebagai tempat guru-guru setempat bertemu untuk berbincang isu-isu berkaitan dengan profesionalisme keguruan.

Secara keseluruhannya PKG merupakan jalinan program dan aktiviti pendidikan yang memberi perkhidmatan kepada guru-guru setempat mengenai pelaksanaan kurikulum selaras dengan perkembangan teknologi pendidikan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 1992a).

1.1 Pusat Kegiatan Guru Tanjung Ipoh

Tanjung Ipoh adalah kawasan yang terletak di daerah Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Ia terletak lebih kurang 32 km dari bandar Seremban dan 6 km dari pekan Kuala Pilah. Kawasan-kawasan yang terletak di bawah zon PKG Tanjung Ipoh adalah seperti Terachi, Mampas, Ulu Bendul, Talang, Sri Menanti, Ampang Tinggi dan Gunung Pasir. Secara keseluruhan terdapat 12 buah sekolah yang menerima perkhidmatan dari PKG di Tanjung Ipoh (2 sekolah menengah dan 10 sekolah rendah) yang telah siap dan mula beroperasi pada 16hb. November, 1991.

PKG Tanjung Ipoh dipilih untuk kajian ini kerana ia pernah dicalonkan sebagai PKG terbaik di Negeri Sembilan. Pada masa yang sama penyelaras PKG tersebut juga pernah menyuarakan pendapat supaya dijalankan satu kajian di mana keberkesanan PKG tersebut dapat dikenalpasti kerana beliau sendiri kekurangan masa dan pengalaman untuk berbuat demikian.

Seterusnya jika dilihat dari segi kemudahan yang sedia ada di semua sekolah, hampir kesemuanya mempunyai bilik khas sebagai Pusat Sumber Sekolah. Setiap sekolah juga mempunyai Jawatankuasa Tertinggi Pusat Sumbernya. Hampir setiap sekolah juga mempunyai perpustakaan yang menyediakan buku fiksyen, buku pengetahuan dan majalah/ jurnal. Semua sekolah kecuali Sekolah Rendah Chung Hua mempunyai kemudahan seperti "overhead projector" (OHP), mesin taip,

perakam video, TV dan radio kaset. Semua sekolah ini secara tidak langsung terlibat dalam Jawatankuasa Pengurusan Pusat Kegiatan Guru.

Kemudahan yang disediakan oleh PKG kawasan Tanjung Ipoh antara lain ialah seperti yang disenaraikan di bawah:

- i. Buku-buku rujukan
- ii. Pembesar suara (“portable PA system”); mikrofon dan “cordless” mikrofon.
- iii. Mesin Pendua (menghasilkan gambar satu warna)
- iv. Komputer dan pencetak
- v. Perakam salin dan membuat rakaman (Audio dan video)
- vi. Mesin pelekat plastik seperti membalut carta dan sebagainya.
- vii. Pemotong kertas (“Paper trimmer”)
- viii. Alat-alat pertukangan (“handyman tool kit”)
- ix. Projektor “overhead” dan layar
- x. Kotak cahaya. (“light box”)
- xi. Kamera dan alat-alat pelengkap
- xii. Alat-alat reprografi kamera
- xiii. Alat-alat grafik
- xiv. Radio, televisyen, perakam kaset video
- xv. Projektor slaid
- xvi. Koleksi pita-pita rakaman audio dan video

xvii. Projektor "Opaque"

xviii. "Tape eraser"

xix. Makmal Bahasa

xx. Mesin Pendua digital (untuk tujuan pendua, mencetak risalah dsb.)

xi. Jadual siaran, tajuk siaran dan nota panduan guru bagi siaran TV dan Radio Pendidikan.

PKG kawasan Tanjung Ipoh juga menyediakan sebuah bilik mesyuarat, bilik seminar, bilik bengkel, bilik audio, bilik gelap untuk tujuan fotografi, bilik cetakan, perpustakaan, bilik komputer dan bilik cetak. PKG kawasan Tanjung Ipoh mengatur program-program seperti mengadakan bengkel, seminar, kursus, mesyuarat dan sebagainya. Program-program ini selalunya merangkumi mata pelajaran di sekolah dan adakalanya mengenai kemahiran atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. PKG Tanjung Ipoh juga menganjurkan lawatan sambil belajar ke kawasan-kawasan tertentu untuk guru-guru sekolah kawasan Tanjung Ipoh. Kursus, bengkel, seminar dan mesyuarat yang dikendalikan di PKG selalunya dijalankan dengan bantuan orang luar yang mahir dalam bidang-bidang tertentu.

1.2 PKG dan Falsafah Pendidikan

Tujuan Falsafah Pendidikan Malaysia adalah untuk melahirkan insan atau individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani

berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan melalui pendidikan yang berterusan. Hasil usaha ini diharapkan dapat melahirkan rakyat yang lebih berpotensi, bertanggungjawab, prihatin dan berdikari supaya mereka ini bukan sahaja dapat membaiki diri sendiri malah dapat memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada masyarakat dan negara.

PKG dan Falsafah Pendidikan Negara dapat dikaitkan di mana PKG berperanan sebagai penyalur perkhidmatan pendidikan untuk memenuhi tujuan Falsafah Pendidikan Negara. Perkhidmatan yang disalurkan diharap akan dapat membantu dalam memperkembangkan potensi seseorang individu atau pelajar. Perkhidmatan PKG dikaitkan dengan penggunaan media dan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana peranan guru lebih sebagai seorang fasilitator dan pelajar lebih aktif dalam proses tersebut.

Pendidikan sekarang lebih mementingkan peranan pelajar atau lebih memberi tumpuan kepada pelajar jika dibandingkan dengan era Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KLSR) di mana guru memainkan peranan yang aktif sementara pelajar menjadi penerima maklumat yang pasif. Sistem pendidikan terkini lebih mementingkan kegunaan teknologi melalui pelbagai media. Penggunaan media ini dapat mempelbagaikan gaya pembelajaran untuk kebolehan pelajar yang berbeza. Media boleh digunakan untuk memperkembangkan struktur mental atau skema pelajar melalui proses asimilasi dan

akomodasi (Piaget, 1977 dalam BTP, 1992b). Oleh itu peranan PKG dalam menyalurkan perkhidmatan mengenai proses pembelajaran dan pengajaran terkini serta perkhidmatan mengenai hal-hal profesional sangat penting sekiranya Falsafah Pendidikan Negara tidak hanya tinggal impian tetapi dapat direalisasikan. Ini bermaksud supaya sistem pendidikan kita akan dapat melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (BTP, 1992b).

1.3 Konsep PKG

Konsep PKG berbeza dari pelbagai bentuk sokongan lain bagi guru-guru yang berkhidmat. Tumpuan PKG ini lebih bersifat setempat dan ia juga merupakan saluran penyebaran maklumat serta agihan dalam melaksanakan aktiviti pendidikan. Secara umum, konsep PKG lebih tertumpu kepada proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah, di mana ia memberikan perkhidmatan dalam keadaan atau suasana yang memberangsangkan guru bekerja sama ada secara perseorangan atau dalam kumpulan. Secara keseluruhan konsep PKG ini boleh dibahagikan kepada 4 bahagian menurut sumber BTP (1992b), seperti berikut:

- i) Konsep Institusi Pendidikan,
- ii) Konsep Budaya Perkongsian,


- iii) Konsep Pendemokrasian Pendidikan, dan
- iv) Konsep Rangkaian Dalam Pusat Sumber Pendidikan.

Konsep yang pertama ialah Konsep Institusi Pendidikan. Menurut konsep ini, PKG berfungsi sebagai Institusi Pendidikan yang setempat. Pendidikan dan perkhidmatan merupakan proses yang berterusan. Proses-proses ini diteliti dan dikenalpasti serta dilaksanakan oleh semua peringkat pendidik sama ada guru, pentadbir-pentadbir pendidikan atau pelaksana-pelaksana program. PKG di sini berfungsi sebagai tempat semua golongan pendidikan bertemu dan berbincang cara-cara memenuhi keperluan profesional keguruan. PKG juga berperanan sebagai tempat program-program dan aktiviti peningkatan prestasi pendidikan dijalankan mengikut keperluan semasa dan seterusnya menyalurkan maklumat kepada semua golongan masyarakat.

Konsep kedua PKG ialah Konsep Budaya Perkongsian. Konsep ini menumpukan kepada pengintergrasian semangat kekitaan, berpasukan dan permuafakatan di kalangan guru-guru setempat. PKG di sini merupakan pusat di mana guru-guru berkumpul, bertukar-tukar pendapat dan seterusnya bantu-membantu dalam penyelesaian masalah proses pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai kecemerlangan politik. Budaya perkongsian ini akan dapat seterusnya memupuk perasaan kasih sayang antara individu dalam sesebuah masyarakat seperti yang dihasratkan oleh negara kita.

Konsep yang ketiga pula ialah Konsep Pendemokrasian Pendidikan. Konsep ini bermaksud di mana PKG berperanan sebagai pusat di mana guru-guru bertemu untuk berinteraksi dan seterusnya mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran serta mempelajari daripada satu sama lain mengenai cara-cara mengatasi kelemahan ini. PKG juga berfungsi untuk menyebarkan maklumat perkhidmatan secara adil kepada semua guru-guru tidak kira di mana supaya setiap ahli masyarakat memperoleh pendidikan yang sama rata (BTP, 1992b).

Konsep yang terakhir ialah Konsep Rangkaian Dalam Pusat Sumber Pendidikan. Di sini PKG berperanan sebagai penghubung pengguna setempat dengan unit-unit teknologi dan sumber yang lain seperti Unit Teknologi Pendidikan (UTP), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di peringkat pusat, disediakan juga oleh PKG di peringkat setempat. Kerjasama di antara semua unit-unit sumber ini akan menghasilkan satu rangkaian yang menjurus ke arah penggunaan teknologi pendidikan di kalangan guru-guru (BTP, 1992b). Konsep PKG ini dapat diteliti secara menyeluruh dalam Rajah 1.



Rajah 1: Konsep Institusi Pendidikan

(Sumber : Bahagian Teknologi Pendidikan, 1992b, m.s. 5)

1.4 Matlamat Pusat Kegiatan Guru

Matlamat PKG merujuk sumber BTP, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992b), adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah melalui peningkatan taraf profesionalisme guru-guru berdasarkan kepada penghayatan

Falsafah Pendidikan Negara bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju. Antara lain, matlamat PKG adalah untuk menggalakkan peningkatan profesionalisme di kalangan guru. Ia juga menyediakan tempat menjalankan kursus tambahan dalam perkhidmatan.

PKG juga merupakan pusat rujukan pelbagai sumber dan bahan-bahan pengajaran dalam darjah di sekolah. Seringkali matlamat PKG juga dikaitkan dengan pusat perancangan dan penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk guru-guru oleh guru-guru sendiri melalui perbincangan dan perbengkelan.

Secara tidak langsung PKG menjadi satu tempat di mana guru-guru berkumpul dan berinteraksi sesama sendiri atau dengan pendidik dari institusi yang lain untuk memperbaiki proses pendidikan. PKG juga dikenali sebagai agensi di luar Kementerian Pendidikan yang dapat menyebarluaskan maklumat dan melaksanakan program-program pendidikan tidak formal. Fungsi PKG juga termasuk sebagai tempat guru-guru, ibu bapa dan wakil masyarakat berinteraksi mengenai isu-isu semasa pendidikan dan pembangunan masyarakat.

1.5 Objektif Pusat Kegiatan Guru


Merujuk sumber dari BTP (1992b), terdapat beberapa objektif PKG yang boleh dicapai melalui aktiviti dan program yang dirancang dengan teliti. Di antaranya

adalah PKG ingin meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah melalui peningkatan taraf profesionalisme dan kemahiran guru. Objektif seterus PKG ialah untuk memberi segala kemudahan dan peluang kepada guru untuk berkumpul dan bekerjasama dalam menjalankan kegiatan profesional dan sosial.

PKG juga berobjektif untuk mewujudkan pusat penghasilan bahan dan perkhidmatan berbagai sumber kepada guru-guru setempat. Ini sekaligus menyediakan ruang untuk guru-guru berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat. Objektif PKG yang seterusnya adalah untuk mengendalikan pelbagai latihan untuk mengendalikan pelbagai latihan dan penyelidikan untuk guru dalam perkhidmatan khususnya yang berkaitan dengan teknologi pendidikan. PKG juga ingin mengendalikan pelbagai aktiviti dan program serta projek perkembangan kurikulum.

Seterusnya, PKG ingin mewujudkan suasana yang wajar untuk berinovasi serta memupuk kreativiti guru. Ini supaya potensi profesionalisme perguruan dikembangkan ke tahap yang boleh membantu peningkatan prestasi pendidikan. Akhir sekali, PKG juga berobjektif untuk memberi nasihat dan menyediakan kepakaran dalam Teknologi Pendidikan kepada guru-guru. Secara keseluruhannya objektif PKG ini boleh diungkap sebagai keinginan untuk meningkatkan profesionalisme guru, menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran serta mengeratkan hubungan antara guru dan guru dengan masyarakat yang akan

menghasilkan peningkatan prestasi pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Objektif PKG

(Sumber : Bahagian Teknologi Pendidikan, 1992b, m.s. 9)

1.6 Peranan PKG

PKG berperanan untuk memenuhi keperluan penggunanya khasnya guru-guru. Keperluan guru-guru ini juga berubah mengikut perkembangan kurikulum. PKG mesti memainkan peranannya untuk mencapai matlamat dan objektifnya. Di antara peranan PKG merujuk sumber BTP (1992b) ialah sebagai:

- i) Pusat Kegiatan Ikhtisas Kurikulum,
- ii) Pusat Sumber,

- iii) Pusat Kegiatan Sosial,
- iv) Agen Perubahan, dan
- v) Agen Penyelesaian Masalah.

1.6.1 Sebagai Pusat Kegiatan Ikhtisas Kurikulum

Kita telah berbincang mengenai salah satu konsep PKG iaitu sebagai Institusi Pendidikan. Selaras dengan konsep ini setiap satu PKG akan berperanan untuk merancang, menyediakan dan menjalankan pelbagai aktiviti untuk mempertingkatkan proses pembelajaran serta membaiki prestasi pendidikan di sekolah.

Untuk mencapai matlamat pendidikan masa kini, PKG harus dijadikan sebagai tumpuan oleh guru di mana mereka boleh berbincang, bertukar-tukar pendapat serta mendapat khidmat nasihat untuk mempertingkatkan mutu pendidikan serta menyelesaikan masalah mengenai hal-hal profesional mereka. Di PKG juga guru-guru boleh membuat pelbagai peralatan membantu mengajar dan meneliti bahan-bahan terkini yang boleh digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam darjah. Mereka juga boleh menyertai sesi khidmat nasihat yang diadakan di PKG sama ada dalam bentuk perbincangan, seminar, kursus dan bengkel. Melalui pelbagai perbincangan ini, guru-guru akan dapat meluaskan pengetahuan serta memantapkan pemikiran ikhtisas dan juga ilmu tentang segala bidang pendidikan kita kini. Tanggungjawab dan peranan penyelaras PKG juga tidak kurang pentingnya

di mana ia akan bertindak sebagai penggerak utama semua aktiviti anjuran PKG dalam usaha untuk merealisasikan fungsi PKG sebagai Pusat Kegiatan Ikhtisas Kurikulum.

1.6.2 Sebagai Pusat Sumber

Memadai dengan konsep PKG sebagai jalinan dalam rangkaian pusat sumber, PKG haruslah berperanan sebagai satu pusat yang mempunyai pelbagai bahan rujukan dan peralatan untuk pinjaman penggunanya. Peranan PKG ini berbeza dari Pusat Sumber Sekolah dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri. Pusat Sumber sekolah berfungsi mengikut keperluan pengguna utamanya iaitu pelajar pada peringkat sekolah manakala PSPN pula berfungsi mengikut keperluan guru-guru dan pentadbir pendidikan pada peringkat negeri.

PKG ini lebih berperanan sebagai pusat sumber untuk guru-guru setempat. Fungsinya di sini adalah sebagai tempat mengumpul dan mengedar maklumat tentang perkembangan pendidikan dari setiap satu tahap iaitu dari peringkat setempat, negeri, negara dan luar negara kepada semua golongan masyarakat. Seterusnya PKG juga merupakan organisasi yang menyediakan keperluan mengikut kehendak setempat. Ini terpulang sama ada kedudukannya di pekan, pinggir bandar atau di bandar. Oleh itu guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman juga boleh memperolehi maklumat terkini melalui PKG. Ia juga berperanan untuk memupuk penggunaan media dan

teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan adanya peralatan dan kemudahan yang lengkap di setiap PKG.

1.6.3 Sebagai Pusat Kegiatan Sosial/Komuniti


Seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini, PKG juga merupakan tempat di mana guru-guru bertemu dan bertukar-tukar pandangan. Aktiviti ini akan dapat merapatkan silatur-rahim atau hubungan sosial antara guru-guru. PKG di sini berperanan sebagai penyedia kemudahan di mana guru-guru boleh bertemu untuk berinteraksi melalui pelbagai cara seperti melalui kegiatan sukan, kebudayaan, rekreasi dan banyak lagi di mana ahli-ahli masyarakat sekeliling turut terlibat. Peranan yang dimainkan oleh PKG di sini ialah sebagai Pusat Kegiatan Sosial. Aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan akan membantu dalam memupuk semangat berpasukan, kekitaan dan permuafakatan yang selanjutnya akan membantu untuk menerapkan ciri masyarakat penyayang di kalangan pengguna PKG. Dengan cara yang sama PKG boleh menjalinkan hubungan yang rapat antara masyarakat setempat dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan sebagainya dengan sekolah-sekolah.

1.6.4 Sebagai Agen Perubahan

Peranan PKG seterusnya ialah sebagai Agen Perubahan. Perubahan di sini bermaksud menerapkan pengubahsuaian cara dan proses pengajaran dan

pembelajaran iaitu dari cara lama di mana tumpuan lebih terhadap guru ke cara pendidikan terkini di mana murid diberikan tumpuan utama. PKG yang berperanan untuk memastikan pengintergrasian teknologi pendidikan berlaku dengan cara yang seujarnya. PKG di sini berfungsi sebagai penggerak utama untuk mengubah sikap guru-guru supaya lebih positif menerima segala perubahan yang baik atau mengubahsuai perkembangan pendidikan yang wajar bersesuaian dengan keadaan dan keperluan setempat.

Peranan PKG sebagai Agen Perubahan seperti dalam Rajah 3 lebih tertumpu kepada mengasimilasikan segala perkembangan pendidikan yang dianggap positif ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dengan kerja sama guru-guru. Dengan cara ini segala perubahan dalam pendidikan dari semasa ke semasa dapat dilaksanakan sesuai dengan keperluan semasa.



Rajah 3 : Peranan PKG

(Sumber : Bahagian Teknologi Pendidikan, 1992b, m.s. 14)

1.6.5 Sebagai Agen Penyelesaian Masalah

PKG berfungsi sebagai Agen Penyelesaian Masalah dari segi kemanusiaan, kemahiran dan kemudahan dalam sistem pendidikan. Jika dilihat dari segi kemanusiaan, PKG berfungsi dalam memberi khidmat nasihat profesional, memberi

motivasi untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan membantu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pelajar, ibu bapa dan masyarakat.


Dari segi kemahiran pula, PKG menyediakan kursus, bengkel dan khidmat nasihat dalam cara-cara penggunaan dan pengintergrasian peralatan terkini dan proses pengajaran dan pembelajaran dalam darjah. PKG juga membantu dalam merancang dan mempraktikkan penggunaan media elektronik terkini dalam pembelajaran seharian. Guru-guru juga dapat bertukar-tukar pendapat tentang cara-cara atau pendekatan yang berlainan dalam menyelesaikan masalah yang berlainan melalui komunikasi yang berkesan di PKG.

Dari segi kemudahan pula, PKG menyediakan kemudahan fizikal iaitu bangunannya dan juga pelbagai jenis peralatan, khidmat atau panduan penggunaan peralatan. Kemudahan fizikal PKG boleh juga digunakan untuk aktiviti sosial guru-guru dan masyarakat setempat. Masalah tiada kawasan yang sesuai untuk berinteraksi tidak akan muncul malah masyarakat setempat akan lebih memahami tugas dan komitmen seseorang guru sekiranya mereka dapat melawat, menggunakan PKG dan melihat sendiri di antara aktiviti yang dijalankan oleh guru-guru untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi dalam pendidikan.

1.7 Pengoperasian PKG

Jawatankuasa Penyelaras PKG Negeri menyediakan rancangan tahunan bagi aktiviti sepanjang tahun. Jawatankuasa Penyelaras PKG Daerah pula menyelaraskan perancangan aktiviti dengan cadangan strategi yang diusahakan oleh PKG dalam daerah tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan PKG menggariskan semua aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun, disamping memilih guru-guru berpotensi untuk dilantik sebagai kakitangan sumber dan ahli Pasukan Kerja. Pasukan Kerja berperanan menggerakkan aktiviti mengikut bidang yang telah ditetapkan dan sentiasa mendorong guru-guru ke arah mencapai matlamat PKG melalui pelbagai aktiviti. Struktur Pengurusan PKG lebih jelas dalam Rajah 4.



Rajah 4 : Struktur Pengurusan PKG

(Sumber : Bahagian Teknologi Pendidikan, 1992b, m.s. 22)

1.8 Pernyataan Masalah

Tidak lama dahulu, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) hanya dipraktikkan oleh segelintir guru. Proses pengajaran dan pembelajaran masa dahulu berkisar sekitar mengetahui dan menghafal fakta. Oleh itu pelajar-pelajar yang paling

banyak mengingati atau menghafal fakta dianggap cerdik. Tidak hairanlah, sikap pelajar-pelajar pada masa itu secara umum ingin menawan semua fakta. Ada di antara mereka yang menghafal tanpa memahami fakta-fakta tersebut.

Walau bagaimanapun, selepas pelaksanaan KBSR dan KBSM, cara ini telah jauh disingkirkan. Penekanan terhadap pembelajaran konsep dan matlamat di mana kemahiran-kemahiran seperti menganalisa dan mensintesis maklumat diberikan. Proses pembelajaran dan pengajaran hari ini lebih berkisar di sekitar penyiasatan isu-isu yang berlaku di sekeliling pelajar. Ia memberi peluang kepada mereka untuk meneliti dan mengkaji persoalan-persoalan yang muncul di sekitar mereka dan mencari jawapan dalam konteks yang luas walaupun setempat.

Saya sebagai seorang guru sentiasa mendengar rungutan rakan-rakan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh PKG dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Di antara rungutan yang sentiasa dibuat oleh guru-guru terutamanya guru-guru sekolah menengah adalah, mereka tidak tahu bagaimana PKG berfungsi dan apakah yang boleh mereka perolehi dari PKG. Seterusnya ada di kalangan guru sekolah menengah terutamanya merasakan mereka sering diketepikan oleh pihak PKG. Ada pula guru sekolah rendah yang merungut tentang layanan yang sangat baik yang diberikan oleh Penyelaras PKG kepada guru-guru tertentu sementara ada yang tidak diendahkan langsung.. Diharap hasil kajian ini dapat membantu dalam mengenalpasti kesahan rungutan mereka.

Tujuan Kajian ini ialah untuk melihat peranan PKG sebagai penyalur perkhidmatan berkualiti untuk membantu dalam perkembangan proses pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan seperti berikut di kalangan guru-guru sekolah rendah dan menengah.

- 1.8.1 Apakah keperluan pengguna PKG?
- 1.8.2 Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk guru-guru, khususnya untuk proses pengajaran dan pembelajaran?
- 1.8.3 Adakah perkhidmatan/kemudahan yang disediakan berkualiti yakni memenuhi keperluan pengguna ?
- 1.8.4 Adakah terdapat perbezaan yang ketara dalam peranan dan penggunaan PKG di antara guru-guru sekolah rendah dan menengah?
- 1.8.5 Apakah peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir/pengurus PKG dalam menyalurkan perkhidmatan berkualiti ?
- 1.8.6 Apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan PKG?

1.9 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- 1.9.1 untuk mengenalpasti perkhidmatan/kemudahan yang disediakan oleh PKG,
- 1.9.2 untuk meneliti cara perkhidmatan atau kemudahan disalurkan kepada pengguna,
- 1.9.3 untuk meneliti dan mengenalpasti takrif 'perkhidmatan berkualiti' dari skop PKG,
- 1.9.4 untuk mengenalpasti keperluan pengguna PKG,
- 1.9.5 untuk meneliti sama ada keperluan ini dipenuhi oleh pihak PKG (dari skop pengurusan),
- 1.9.6 untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan yang ketara dalam penggunaan PKG di kalangan guru-guru sekolah rendah dan menengah, dan
- 1.9.7 untuk meneliti perkara-perkara lain yang mempengaruhi penggunaan perkhidmatan atau kemudahan PKG.

1.10 Signifikan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu para guru serta penyelaras PKG kawasan Tanjung Ipoh memperbaiki proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P)

serta memantapkan lagi peranan yang dimainkan PKG sebagai institusi pembantu yang penting dalam mencapai kecemerlangan mutu pendidikan negara. Diharap dari kajian ini juga, isu-isu yang mempengaruhi perkhidmatan serta pengurusan PKG oleh penyelaras PKG dapat dikenalpasti dan seterusnya cara-cara pengubahsuaian atau penyesuaian dapat dirancang dan dijalankan secara keseluruhan. Kajian ini dijalankan supaya guru-guru dan pengguna PKG memahami peranan PKG sebagai penyulur perkhidmatan berkualiti melalui penelitian hasil kajian. (melalui soal-selidik dan pemerhatian). Ini diharapkan akan membantu PKG menjalankan peranannya dengan lebih berkesan di masa hadapan.

1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya relevan bagi guru-guru serta penyelaras PKG di kawasan Tanjung Ipoh, Kuala Pilah sahaja kerana:

1. sampel kajian hanya meliputi atau mewakili kawasan Tanjung Ipoh di Kuala Pilah,
2. andaian kawasan yang lain mungkin mempunyai suasana pengajaran dan pembelajaran yang berlainan,
3. andaian kawasan lain mungkin dipengaruhi oleh masalah lain, dan
4. terdapat perbezaan cara menyelaras antara satu PKG dengan PKG yang lain (seperti di antara PKG kawasan bandar dengan luar bandar dsb).

1.12 Definisi istilah

Untuk tujuan penulisan thesis ini beberapa istilah khusus telah digunakan.

Istilah-istilah ini bertujuan untuk menyampaikan maksud tertentu yang diuraikan dengan ringkas seperti di bawah:

Perkhidmatan: Semua jenis kemudahan yang disediakan oleh PKG termasuk dari segi fizikal dan khidmat nasihat profesional. Kemudahan fizikal bermaksud penggunaan bahagian-bahagian bangunan PKG itu sendiri. Kemudahan khidmat nasihat profesional pula adalah seperti pemberian ceramah, bengkel, kursus dan sebagainya.

Keperluan Pengguna: Merujuk kepada kehendak pengguna dari segi jenis perkhidmatan dan juga cara-cara perkhidmatan itu disalurkan, yakni fasilitator, masa kursus atau bengkel, peralatan, kemudahan pinjaman dan sebagainya.

Pengguna PKG: Merujuk kepada guru-guru yang secara khusus mengajar di sekolah-sekolah yang beroperasi di bawah PKG, Tanjung Ipoh.

Pengurus/Penyelaras PKG: Merujuk kepada penyelaras yang mentadbir PKG dengan arahan pihak Kementerian Pendidikan dan menyusun aktiviti-aktiviti untuk pengguna.

Perkhidmatan Berkualiti: Merujuk kepada kemudahan yang memenuhi keperluan pengguna.

Penggunaan PKG: Merujuk kepada cara-cara PKG ini digunakan yakni menggunakan kemudahan fizikal atau kemanusiaan.